



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
BAGI TEMPOH BERAKHIR 1 SEPTEMBER 2006 (TARIKH DIPERBADANKAN)  
HINGGA 31 DISEMBER 2007**

Saya telah mengaudit penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan bagi tempoh berakhir 1 September 2006 (Tarikh Diperbadankan) hingga 31 Disember 2007. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.


2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan pada 31 Disember 2007, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**

PUTRAJAYA  
29 JULAI 2008




## PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN dan PROFESOR IR. DR. ZAINAI BIN MOHAMED, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN pada 31 Disember 2007 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : **Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah  
bin Che Othman**

NAMA : **Profesor Ir. Dr. Zainai  
bin Mohamed**

GELARAN : **PENGERUSI LEMBAGA**

GELARAN : **NAIB CANSOLOR**

TARIKH : **21.7.2008**

TARIKH : **21.7.2008**


TEMPAT : **Kota Bharu, Kelantan**


TEMPAT : **Kota Bharu, Kelantan**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Saya ZAINAI BIN MOHAMED, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh Penama di atas )  
di (tempat)..... **KOTA BHARU** )  
pada ..... **14 JUL 2008** )

  
.....  
Di hadapan saya,



Tingkat 4, Kompleks MARA,  
Jalan Dato' Pati,  
15000 Kota Bharu, \*  
Kelantan.  
Tel: 09- 744 3376

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2007**

	Nota	2007 RM
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	4	18,034,358
<b>PROJEK DALAM KEMAJUAN</b>	5	9,998,935
<b>ASET SEMASA</b>		
Penghutang	6	7,978
Penghutang pelbagai	7	26,668
Deposit dan bayaran terdahulu	8	79,666
Wang di tangan dan baki di bank	9	38,737,496
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>		<b>38,851,808</b>
Tolak:		
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Pemiutang	10	2,411,306
Deposit dan pelbagai terakru	11	1,800
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>		<b>2,413,106</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>36,438,702</b>
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>		<b>64,471,995</b>
<b>DIBIYAI OLEH:</b>		
KUMPULAN WANG MENGURUS	12	30,579,208
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	13	33,611,590
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	14	48,228
TABUNG DAN AKAUN AMANAH	15	189,700
		64,428,726
MANFAAT PEKERJA JANGKA PANJANG	16	43,269
		<b>64,471,995</b>

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.)

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**PENYATA PENDAPATAN BAGI TEMPOH BERAKHIR 1 SEPTEMBER 2006**  
**(TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2007**

	Nota	2007 RM
<b>PENDAPATAN</b>		
Pemberian kerajaan	17	40,913,200
Yuran pengajian	18	744,148
Pendapatan-pendapatan lain	19	246,603
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>41,903,951</b>
<b><u>Pendapatan Tidak Melibatkan Aliran Tunai</u></b>		
Geran pembangunan dilunaskan		1,388,410
Geran penyelidikan dilunaskan		1,772
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>43,294,133</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
<b><u>Emolumen</u></b>		
Gaji dan upahan		2,086,299
Elaun-elaun tetap		1,014,316
Sumbangan berkanun untuk kakitangan		357,170
Elaun lebih masa kakitangan		112,300
Faedah-faedah kewangan yang lain		14,124
		<b>3,584,209</b>
<b><u>Perkhidmatan dan bekalan</u></b>		
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup		901,778
Pengangkutan barang-barang		188,375
Perhubungan dan utiliti		381,715
Sewaan		644,467
Bekalan bahan makanan dan minuman		18,638
Bekalan bahan mentah dan alat ganti		69,451
Bekalan dan bahan-bahan lain		3,767,688
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil		148,300
Perkhidmatan iktisad dan hospitaliti		2,210,875
		<b>8,331,287</b>
<b><u>Pemberian dan kenaikan bayaran tetap</u></b>		
Pemberian dalam negeri		3,380
		<b>3,380</b>
<b><u>Perbelanjaan lain</u></b>		
Bayaran-bayaran lain		135,478
Susutnilai		660,571
		<b>796,049</b>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>12,714,925</b>
<b>LEBIHAN PENDAPATAN</b>		<b>30,579,208</b>

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.)

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TEMPOH BERAKHIR 1 SEPTEMBER 2006 (TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA  
31 DISEMBER 2007**

2007	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Tabung & Akaun Amanah RM	Jumlah RM
<b>Pada Tarikh diperbadankan</b>	-	-	-	-	-
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-
Seperi yang dinyatakan semula Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	30,579,208	33,611,590	48,228	189,700	64,428,726
<b>Baki pada 31 Disember 2007</b>	<b>30,579,208</b>	<b>33,611,590</b>	<b>48,228</b>	<b>189,700</b>	<b>64,428,726</b>

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
 PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TEMPOH BERAKHIR 1 SEPTEMBER 2006  
 (TARIKH DIPERBADANKAN) HINGGA 31 DISEMBER 2007

	2007 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>	
Lebih pendapatan	30,579,208
Pelarasan:-	
Susutnilai aset tetap	660,571
Manfaat pekerja	43,269
<b>Lebih Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>	<u>31,283,048</u>
Kurangan/(Tambahan) dalam penghutang	(7,978)
Kurangan/(Tambahan) dalam penghutang pelbagai dan deposit	(106,334)
(Kurangan)/Tambahan dalam pemiutang	2,411,306
(Kurangan)/Tambahan dalam pemiutang pelbagai	1,800
<b>Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi</b>	<u>33,581,842</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>	
Pembelian/(Penjualan saham amanah)	-
Belian aset tetap	(18,694,929)
Kerja dalam pembinaan	(9,998,935)
Geran tertunda - Pembangunan	33,611,590
Geran tertunda - Penyelidikan	48,228
<b>Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan</b>	<u>4,965,954</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>	
Tambahan/(Kurangan) dalam pelbagai tabung	189,700
<b>Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan</b>	<u>189,700</u>
<b>Tambahan Bersih Dalam Aliran Tunai</b>	<u>38,737,496</u>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>	<u>38,737,496</u>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada:-</b>	
Baki di bank	38,737,496
	<u>38,737,496</u>

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.)

## UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2007

#### 1. MAKLUMAT UMUM

##### a. Penubuhan

Semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006, Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan penubuhan sebuah universiti awam di Kelantan. Sehubungan itu, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 14 Jun 2006 telah menimbangkan Memorandum No. 447/2512/2006 daripada Menteri Pengajian Tinggi dan Kabinet telah bersetuju supaya ditubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi awam bertaraf universiti di negeri Kelantan.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan Universiti awam yang ke-19, diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006 [P.U.415 (A)]. UMK adalah sebuah Universiti awam yang menerajui bidang keusahawanan, sains gunaan dan teknologi kreatif dan warisan. UMK juga turut menekankan kemahiran berbahasa asing dan pembangunan insaniah bagi memastikan setiap graduan yang dihasilkan menepati keperluan pasaran kerja. Selain itu, UMK juga menubuhkan satu institut yang dinamakan *Institute for Small and Medium Enterprises* atau ISME. Pada dasarnya, penubuhan institut ini merupakan sebuah pusat kecemerlangan yang boleh memberi perkhidmatan kepada komuniti usahawan di negara ini dan berteraskan kepada kepentingan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS/SME).

##### b. Aktiviti Utama

UMK adalah sebuah Universiti yang mengkhusus Keusahawanan sebagai teras.

##### c. Operasi

Bermula Oktober 2006, hal-ehwal kewangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) diuruskan melalui Akaun Amanah Universiti Tun Hussein Onn (UTHM ) sehingga pertengahan Jun 2007. Peruntukan berjumlah RM10,000,000.00 diterima pada Disember 2006 dimana ianya merupakan peruntukan khas untuk memulakan operasi sebagai sebuah Universiti.



Bermula pertengahan Jun 2007, hal-ehwal kewangan UMK telah diuruskan sepenuhnya oleh Jabatan Bendahari UMK di Kota Bharu dan diperuntukkan peruntukan sejumlah RM10,000,000.00 untuk perbelanjaan mengurus dan RM20,000,000.00 untuk perbelanjaan pembangunan. Berdasarkan perancangan yang telah dirangka, pihak pengurusan mendapati peruntukan asal yang disalurkan oleh pihak Kementerian adalah tidak mencukupi. Sehubungan dengan itu, Jabatan Bendahari UMK telah membuat permohonan dengan mengemukakan dokumen bajet tambahan berjumlah RM20.9 juta untuk mengurus dan RM15 juta untuk pembangunan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Peruntukan tambahan ini telah diluluskan dan ianya telah disalurkan bermula bulan Ogos 2007 berjumlah RM10 juta dan RM10.9 juta disalurkan pada akhir Disember 2007 untuk peruntukan mengurus, manakala untuk peruntukan pembangunan disalurkan pada November 2007.

d. Bilangan Staf

Bilangan staf UMK pada akhir tahun kewangan 2007 adalah seramai 148 orang.

e. Bilangan Pelajar

Pengambilan pelajar yang pertama ialah pada 1 Julai 2007 seramai 296 orang.

## 2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar Universiti adalah untuk memastikan risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan diuruskan bagi menjaga kepentingan Universiti dan mengawal risiko bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan kewangan Universiti.

a. Risiko Pasaran

Bagi tahun kewangan 2007, Universiti tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana tiada sebarang pinjaman dan tiada pelaburan samada jangka panjang mahupun jangka pendek dengan bank-bank dan juga syarikat kewangan berlesen.

b. Risiko Kredit

Risiko Kredit wujud bila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko Kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang.

c. Risiko Kecairan

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah terkawal kerana Pengurusan Universiti sentiasa memastikan bahawa aliran tunai mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a. Asas Penyediaan

Penyata Kewangan UMK telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mengikut piawaian-piawaian yang diluluskan.

b. Pengiktirafan Pendapatan

- i. Geran Kerajaan bagi Belanja Mengurus diakaunkan berdasarkan asas tunai dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan.
- ii. Geran Kerajaan bagi Belanja Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan diakaunkan ke akaun geran kerajaan tertunda.
- iii. Pendapatan yuran pengajian adalah berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.
- iv. Geran Kerajaan untuk projek-projek penyelidikan diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Penyelidikan.
- v. Pendapatan faedah ke atas simpanan tetap dari institusi kewangan berlesen diakaunkan mengikut konsep akruan kecuali keuntungan atas simpanan tetap melalui skim mudharabah diiktiraf berdasarkan asas tunai mengikut tarikh matang.

c. Pengiktirafan Perbelanjaan

Kriteria bagi pengiktirafan semua perbelanjaan adalah seperti berikut :-

i. Perolehan barangan dan perkhidmatan

Bagi barangan atau perkhidmatan yang telah diterima oleh Universiti Malaysia Kelantan pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun semasa serta dokumen-dokumen berikut telah diterima pada atau sebelum 10 haribulan tahun berikutnya:-

- a. Waran perbelanjaan yang telah diluluskan.
- b. Pesanan Jabatan/Kerja/LO yang telah dikeluarkan.
- c. Borang Perakuan Penerimaan Barang atau Borang Pengesahan Kerja/Perkhidmatan telah diluluskan.
- d. Bil atau invois daripada syarikat.

ii. Tuntutan – tuntutan lain

Bagi tuntutan-tuntutan lain yang telah disahkan dan diterima pada atau sebelum 10 haribulan tahun berikutnya.

d. Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai dan ditakrifkan sebagai barang-barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu.
- ii. Bagi perabot dan kelengkapan pejabat, pembelian yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu dikelaskan sebagai perbelanjaan aset tetap.
- iii. Bagi pembelian langsir, kapet, bidai dan pengadang, pinggan mangkuk dan buku tanpa mengambil kira kos pembelian dikelaskan sebagai perbelanjaan bukan harta modal/aset tetap.
- iv. Susutnilai adalah berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset tetap berkenaan. Bagi pembelian aset dalam tempoh kurang dari enam bulan sebelum tarikh penutupan akaun tahunan, susutnilai tidak dikenakan ke atas aset tetap berkenaan.

- v. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah sebagaimana yang digariskan di dalam MASB iaitu berdasarkan 'economical useful life' sesuatu aset tetap antaranya seperti berikut:-

Bangunan dan pembaikan bangunan	2%
Infrastruktur dan kemudahan	5%
Kenderaan dan jentera	20%
Kelengkapan pejabat, perabot danengkapan	20%
Mesin dan komputer	20%
Kelengkapan elektrik/elektronik/perhubungan dan penyiaran	20%
Kelengkapan lain	20%
Peralatan makmal dan penyelidikan	20%

e. Pelan Caruman Tetap

UMK membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan dilakukan.

f. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, UMK telah menerima pakai keperluan MASB 29. Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja tetap yang telah mencapai umur 48 tahun dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai maksima 120 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

g. Liabiliti Cukai Pendapatan

UMK adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN  
a) MENGGURUS

TAHUN 2007	KOS				SUSUTNILAI				Nilai Buku 31.12.2007 RM
	Pada Tarikh Diperbadankan 01.09.2006 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2007 RM	Pada Tarikh Diperbadankan 01.09.2006 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2007 RM	
<b>ASET TETAP</b>									
Kenderaan	-	3,788,782	(638)	3,788,144	-	523,000	(128)	522,872	3,265,272
Komputer	-	943,318		943,318	-	129,070	-	129,070	814,248
Kelengkapan	-	130,666	-	130,666	-	-	-	-	130,666
- Elektrik	-	15,145	-	15,145	-	3,029	-	3,029	12,116
- Pejabat	-	7,000	-	7,000	-	1,400	-	1,400	5,600
- Perhubungan	-	12,085	-	12,085	-	-	-	-	12,085
- Fotografi	-	5,000	-	5,000	-	1,000	-	1,000	4,000
- Penyiaran	-	144,995	-	144,995	-	3,200	-	3,200	141,795
- Elektronik	-	67,049	-	67,049	-	-	-	-	67,049
Peralatan	-				-				
- Penyelidikan	-	5,114,040	(638)	5,113,402	-	660,699	(128)	660,571	4,452,831
<b>JUMLAH</b>	-	<b>5,114,040</b>	<b>(638)</b>	<b>5,113,402</b>	-	<b>660,699</b>	<b>(128)</b>	<b>660,571</b>	<b>4,452,831</b>

b) PEMBANGUNAN

TAHUN 2007	KOS				SUSUTNILAI				
	Pada Tarikh Diperbadankan 01.09.2006 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2007 RM	Pada Tarikh Diperbadankan 01.09.2006 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2007 RM	Nilai Buku 31.12.2007 RM
ASET TETAP									
Bangunan	-	12,100,000	-	12,100,000	-	-	-	-	12,100,000
Pembangunan & Pembaikan	-	1,295,327	-	1,295,327	-	-	-	-	1,295,327
Perabut	-	186,200	-	186,200	-	-	-	-	186,200
	-	13,581,527	-	13,581,527	-	-	-	-	13,581,527
JUMLAH	-	13,581,527	-	13,581,527	-	-	-	-	13,581,527
JUMLAH KESELURUHAN		18,695,567	(638)	18,694,929		660,699	(128)	660,571	18,034,358

## 5. PROJEK DALAM KEMAJUAN

	Pada tarikh diperbadankan RM	Pindahan Ke Aset RM	Baki Pada 31.12.2007 RM
Ubahsuai Kampus Sementara Taman Bendahara	9,029,984	-	9,029,984
Ubahsuai dan naiktaraf IPKB	968,951	-	968,951
	<u>9,998,935</u>	-	<u>9,998,935</u>

## 6. PENGHUTANG

	2007 RM
Penghutang	5,400
Penghutang pelajar	2,578
	<u>7,978</u>

## 7. PENGHUTANG PELBAGAI

	2007 RM
Penghutang pelbagai	26,668
	<u>26,668</u>

## 8. DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU

	2007 RM
Bayaran perkhidmatan terdahulu	1,035
Deposit	78,631
	<u>79,666</u>

## 9. WANG DI TANGAN DAN BAKI DI BANK

	2007 RM
Peruntukan mengurus	24,104,935
Peruntukan pembangunan	13,687,747
Akaun pelajar	944,814
	<u>38,737,496</u>

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di bank yang tidak mempunyai risiko perubahan nilai.

**10. PEMIUTANG**

	2007 RM
Pemiutang pembekal	1,481,677
Pemiutang pembangunan	929,629
	<u>2,411,306</u>

**11. DEPOSIT DAN PELBAGAI TERAKRU**

	2007 RM
Deposit sewa	1,800
	<u>1,800</u>

**12. KUMPULAN WANG MENGURUS**

	2007 RM
Pada tarikh diperbadankan	10,000,000
Pemberian kerajaan	30,913,200
Yuran pelajar	744,148
Sumbangan	246,603
	<u>41,903,951</u>
Tolak :	
Emolumen	3,584,209
Perkhidmatan dan bekalan	6,942,877
Pemberian dan bayaran tetap	3,380
Perbelanjaan lain	133,706
Susutnilai tahunan	660,571
	<u>30,579,208</u>



**13. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**

	2007 RM
Pemberian kerajaan	35,000,000
Tolak : Perlunasan geran pembangunan	
Perbelanjaan operasi	(1,388,410)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>33,611,590</u>

**14. KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN**

	2007 RM
Pemberian kerajaan	50,000
Tolak : Perlunasan geran penyelidikan	
Perbelanjaan operasi	(1,772)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>48,228</u>

**15. PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH**

	2007 RM
<b>TABUNG PELAJAR</b>	
Kegiatan pemajuan pelajar	86,080
Persatuan mahasiswa UMK	17,520
Tabung kebajikan pelajar	17,420
Kegiatan kolej kediaman	11,670
Pengangkutan	58,300
Pulangan tabung	(1,290)
	<u>189,700</u>

**16. MANAFAAT PEKERJA JANGKA PANJANG**

	2007 RM
Gantian cuti rehat	43,269
	<u>43,269</u>

**17. PEMBERIAN KERAJAAN**

	2007 RM
Peruntukan mengurus	40,913,200
	<u>40,913,200</u>

## 18. YURAN PENGAJIAN

	2007 RM
Yuran pengajian	350,125
Yuran pendaftaran	15,100
Yuran perkhidmatan Universiti/Fakulti	42,140
Yuran ko-kurikulum	30,100
Penginapan pelajar	233,206
Minggu mesra mahasiswa	55,200
Yuran perpustakaan	6,020
Kad matrik	15,050
Pulangan yuran	(2,793)
	<u>744,148</u>

## 19. PENDAPATAN-PENDAPATAN LAIN

	2007 RM
Terimaan dari agensi lain	204,124
Jualan borang tender dan sebutharga	6,210
Kursus jangka pendek (Industri)	7,160
Hasil sewaan	3,600
Faedah bank	25,459
Denda dan hukuman	50
	<u>246,603</u>

## 20. KOMITMEN

Perbelanjaan 2007 yang telah diluluskan tetapi tidak diperuntukkan di dalam  
Penyata Kewangan

	2007 RM
Diluluskan dan dikontrakkan	5,552,209

## 21. PELARASAN TAHUN LEPAS DAN ANGKA PERBANDINGAN

Tidak berkaitan kerana tahun pertama pengauditan dijalankan.